



SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BILANGAN 10 /1999
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAMBAK PENERBANGAN BAGI DIHANTAR BERTUGAS ATAU
MENGHADIRI PERSIDANGAN / MESYUARAT

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka dengan ini dimaklumkan bahawa paragraf (4) dari Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 18/1995 bertarikh 27 Rabiulakhir 1416/23 September 1995 adalah dengan ini dipinda kepada berikut:

1. Peraturan dan Syarat Kemudahan Perjalanan – Kelayakan Kelas Tambak Penerbangan untuk menjalankan tugas rasmi atau menghadiri mesyuarat/persidangan, dan latihan di luar negeri kepada semua pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam termasuk Biro Mencegah Rasuah, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, Agensi Pelaburan Brunei (BIA), anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Simpanan Gurkha dan Pasukan Polis Diraja Brunei tertakluk kepada :

- 1.1 Kelayakan kelas-kelas tambak penerbangan pegawai adalah seperti di bawah ini :

Menteri-Menteri Kabinet, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat - **Kelas Pertama**
DiRaja, Timbalan-Timbalan Menteri, Setiausaha Tetap,
termasuk pegawai-pegawai Kerajaan yang bergaji
\$18,000.00 sebulan dan ke atas

Pegawai-pegawai Kerajaan di bawah sukatan tanggagaji - **Kelas Perdagangan**
\$18,000.00 sebulan sehingga tanggagaji Superscale C (Business Class)
atau sebanding (bergaji \$6,800.00 sebulan)

Pegawai-Pegawai Kerajaan yang menerima gaji di - **Kelas Ekonomi**
bawah \$6,800.00 sebulan

Locum tenens specialist dalam bidang perubatan dan - **Kelas Perdagangan**
pakar-pakar sebanding (Business Class)

2. Surat Keliling ini mula berkuatkuasa pada tarikh ianya dikeluarkan.

Sekianlah sahaja yang dapat dimaklumkan pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

[DATO PADUKA HAJI HAZAIR HAJI ABDULLAH]
Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri
Istana Nurul Iman
Bandar Seri Begawan 1100
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Ruj : (10)JPM/SK/1999

Tarikh : 01 Rabiulakhir 1420
14 Julai 1999